JILID 6 | NOV - DIS 2015

SPANCO

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

08

PERANCANGAN SPANCO BAGI 2016 DAN TAHUN-TAHUN SETERUSNYA

12

HADAPI KEROSAKAN? BANTUAN KECEMASAN 24 JAM BERSEDIA MEMBANTU ANDA

14

KONSEP TERBAIK DIPAMERKAN DI TOKYO MOTOR SHOW 2015

20

5 TREND PEMAKANAN SIHAT UNTUK 2016

ISSN 1675-1361

9 771675 136103

PP 10548/08/2012(030458)

prihatin

sentiasa bersama mu

jilid 6 | Nov - Dis 2015

MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG
Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG
Peter Lim
Shaheeran Jalalludin
Rusman Bassri

PENERBIT
SPANCO Sdn Bhd *(172957-U)*
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel 03-6192 8888
Faks 03-6192 8999
emel *prihatin@spanco.com.my*
web *www.spanco.com.my*
Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK
Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian
Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
Tel 03-8941 4013
Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN
Executive Mode Sdn Bhd *(317453-P)*

SEKILAS MINDA
03 Sokongan Pelanggan Terus Melakar Kejayaan Kami di 2015. Terima Kasih

YANG PERLU ANDA TAHU
04 Nilai Perkhidmatan Tinggi Tanpa Dibebani Kos Susut Nilai
07 Ulasan Ringkas Kes Kecuaian 2014 - 2015

MENJEJAK INSPIRASI
08 Perancangan SPANCO Bagi 2016 dan Tahun-Tahun Seterusnya

KATA MEREKA
10 Tuan Preshahdin Monshee Akui SPANCO Menepati Mutu Khidmat yang Diperlukan Jabatan Penjara

SERVIS ITU PENTING!
12 Hadapi Kerosakan? Bantuan Kecemasan 24 Jam Bersedia Membantu Anda

PERSADA INOVASI
14 Konsep Terbaik dipamerkan di Tokyo Motor Show 2015

MERAKAM CATATAN
16 Perasmian Pusat Servis SPANCO Wilayah Bangi oleh Ketua Setiausaha Negara
16 Seminar Logistik Pegawai Tentera Darat
16 Taklimat Pengurusan dan Penyenggaraan Kenderaan Jabatan
16 Taklimat Pengurusan Kenderaan Peronda Polis
16 Taklimat Infra TUDM
17 Penyerahan Kenderaan Peronda Polis

LIBUR DESTINASI
18 6 Destinasi Percutian Menarik di Kepulauan Caribbean

BICARA SIHAT
20 5 Trend Pemakanan Sihat untuk 2016

PILIHAN SERVIS ANDA
22 Sabah

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

SOKONGAN PELANGGAN **TERUS MELAKAR KEJAYAAN KAMI DI 2015. TERIMA KASIH.**

2015 melabuhkan tirainya, alhamdulillah objektif utama telah dicapai dengan jayanya. Sejarah tercipta lagi bila mana Pusat Servis SPANCO Wilayah Bangi yang dibuka sejak 2012 telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa pada 10 Disember yang lalu. Semoga ianya dapat melonjakkan semangat SPANCO untuk terus berusaha memenuhi malah melangkaui perjanjian tahap perkhidmatan (SLA) kepada Kerajaan Malaysia.

Pelbagai isu menarik kita sajikan bagi menutup tirai 2015. Antaranya segmen Yang Perlu Anda Tahu menyentuh mengenai nilai sisa, kerosakan haus dan lusuh serta tanggungjawab pelanggan semasa memulangkan kenderaan pada akhir tempoh. Ketahui juga bagaimana 'outsourcing' dapat menghindarkan bebanan kos-kos tersebut.

Selami perancangan SPANCO untuk 2016 dan tahun-tahun berikutnya serta pelan-pelan strategik dalam memberi nilai tambahan kepada perkhidmatan pengurusan fleet sedia ada seterusnya memberi lebih kepuasan kepada pelanggan. Ikuti pendapat dan pengalaman Timbalan Pengarah Pembangunan dan Perolehan dari Jabatan Penjara Malaysia mengenai komitmen dan peningkatan khidmat SPANCO kepada pelanggan sepanjang beliau menguruskan kereta-kereta fleet SPANCO untuk Penjara Malaysia.

Akhir kata, ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan dari pihak pengurusan SPANCO kepada para pelanggan di atas sokongan padu yang diberikan selama ini. Semestinya kami akan terus mempertingkatkan usaha dan memperbaiki perkhidmatan pengurusan fleet bagi memberikan hanya yang terbaik kepada anda dan Kerajaan Malaysia.

Selamat Tahun Baru dari kami di SPANCO

DATO' HAMZAH MOHD SALLEH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Artikel berikut adalah bahagian terakhir dari siri Pengurusan Fleet. Pada keluaran yang lalu, PRIHATIN menerangkan tentang caj penyenggaraan dan pembaikan tetap yang disediakan oleh SPANCO. Kali ini kita membicarakan pula mengenai nilai sisa, kerosakan haus dan lusuh serta tanggungjawab pelanggan semasa memulangkan kenderaan pada akhir tempoh pajakan.

NILAI PERKHIDMATAN TINGGI TANPA DIBEBANI KOS SUSUT NILAI

KAEDAH menyerahkan pengurusan fleet kepada pihak ketiga yang pakar atau 'outsourcing' memberi pelbagai manfaat kepada Kerajaan Malaysia. Antaranya, bukan sahaja pihak Kerajaan tidak perlu menyediakan modal perbelanjaan yang tinggi malah juga bebas daripada menanggung kos susut nilai untuk kereta-kereta tersebut.

NILAI SISA

Nilai sisa (residual value) adalah nilai aset yang dijual setelah tamat tempoh usia penggunaan sesebuah aset. Dalam konteks pengurusan kenderaan, ia mengambil kira jumlah susut nilai (depreciation) yang merupakan kos terbesar dalam operasi fleet.

Lazimnya nilai sisa sesebuah model kereta baharu diunjurkan berasaskan peratus tertentu dari kos asal. Faktor seperti usia, perbatuan, penjagaan dan keadaan persekitaran sepanjang kereta digunakan akan mengurangkan nilai tersebut pada penghujung tempoh hayatnya.

Nilai sisa adalah penanda aras apabila menilai semula fleet. Beberapa sumber boleh dirujuk untuk menentukan nilai sebenar kereta terpakai seperti maklumat dari pengilang, harga lelongan dan sejarah penjualan semula dari pengeluar yang sama. Apa pun, ia bergantung kepada harga yang sanggup dibayar oleh pembeli.

SUSUT NILAI

Susut nilai bermaksud pengurangan nilai sesuatu aset sepanjang tempoh usia penggunaannya. Faktor haus dan lusuh serta keusangan adalah dua aspek yang mempengaruhi penyusutan nilai.

Haus dan lusuh adalah kerosakan semula jadi yang disebabkan oleh usia dan penggunaan yang lazim manakala keusangan pula oleh faktor seperti perubahan teknologi yang mengakibatkan aset menjadi tidak lagi kompetitif.

SUSUT NILAI KOS TERTINGGI DALAM OPERASI FLEET

Contoh pembahagian kos operasi sebuah fleet yang terkemuka di UK iaitu Hitachi Capital Vehicle Solutions, menunjukkan bahawa kos susut nilai menjangkau hampir 50% dari kos keseluruhan.

Dengan menggunakan perkhidmatan fleet profesional, pelanggan bukan hanya mampu memperoleh nilai perkhidmatan yang tinggi hasil daripada penyediaan fleet yang dijaga rapi malah pada masa yang sama, bebas daripada menanggung kos susut nilai aset tersebut.

Kerajaan Malaysia turut dilindungi daripada naik turun harga pasaran kereta terpakai semasa pelupusan dan hanya perlu memulangkan kenderaan yang disewa di dalam keadaan yang baik pada akhir tempoh pajakan.

KOS SUSUT NILAI MENJANGKAU HAMPIR

50%

DARI KOS KESELURUHAN

PEMULANGAN KERETA TAMAT PAJAK

APA PELANGGAN HARUS TAHU?

Pemulangan kereta yang tamat pajakan dalam keadaan yang tidak sempurna adalah antara masalah yang dihadapi oleh pengurusan SPANCO. Mungkin dianggap remeh oleh sesetengah pihak namun sebenarnya boleh mengganggu kelancaran urusan penyerahan kereta baharu bagi program penggantian.

Peralatan yang tidak lengkap dan aksesori serta alat ganti telah ditukar adalah antara ketidakpatuhan yang sering ditemui. Antara aksesori yang didapati kerap hilang ialah kunci pendua, set peralatan, kad SD mikro untuk GPS, pencucuh api rokok dan kit segi tiga keselamatan. Malah, ada kereta yang diserahkan semula dengan alat ganti atau aksesori yang berlainan iaitu tidak seperti peralatan sebenar yang dibekalkan SPANCO.

Sehubungan itu, penting bagi pelanggan memulangkan kereta dengan segala peralatan di dalamnya berada dalam keadaan baik dan seperti yang telah direkodkan.

Ketika Memulangkan Kereta yang Tamat Pajakan, Pelanggan Perlu Memastikan Perkara Berikut:

- Aksesori yang lengkap iaitu:
  - 1 set peralatan tul
  - 1 jek
- 2 set kunci dan sistem alat penggera
- Kereta berada dalam keadaan baik.

Bagi kemalangan yang tidak dimaklumkan, pelanggan dikehendaki membuat laporan polis supaya tuntutan insurans dapat dilakukan.

Bagi melicinkan urusan pemulangan dan penggantian kereta, pelanggan diminta agar memberi kerjasama supaya mematuhi setiap peraturan yang telah digariskan oleh Perbendaharaan Malaysia dan SPANCO. Peraturan-peraturan itu ada disenaraikan di dalam buku kecil 'Panduan Penggunaan Kereta Rasmi' yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan.

Untuk pengetahuan, sejumlah 2,007 unit kereta dalam fleet Kerajaan Persekutuan terbabit di dalam program penggantian sepanjang 2015 manakala 2,136 unit lagi dijangka pada 2016.

Masalah yang kerap berlaku ketika pelanggan memulangkan kereta:

Kunci pendua tidak dipulangkan.

Tayar ditukar kepada jenis atau jenama lain.

Aksesori tidak lengkap seperti set peralatan, kad SD mikro untuk GPS, radio, tempat duduk dan stereng hilang atau telah ditukar.

Badan kemek atau mengalami kemalangan yang tidak dilaporkan.

TATACARA PEMULANGAN KERETA RASMI

Berikut dipetik **Perkara 16** yang terkandung di dalam buku kecil **'Panduan Penggunaan Kereta Rasmi'** yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan untuk rujukan anda.

Perkara 16: Pemulangan Kereta ke SPANCO

(i) Kereta Rasmi hendaklah dipulangkan kepada SPANCO apabila:

- pengguna bersara/meninggalkan perkhidmatan/ gugur jawatan;
- pengguna bertukar ke Kerajaan Negeri, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan; atau
- atas permintaan Perbendaharaan untuk tujuan pembelian Kereta Rasmi ketika bersara oleh pegawai lain.

(ii) Semasa pemulangan, perkara-perkara berikut perlu dikembalikan dengan sempurna:

- set kunci kereta/sistem alat penggera pertama;
- set kunci kereta/sistem alat penggera pendua;
- aksesori sedia ada (sila rujuk Borang Pemeriksaan Kenderaan bagi senarai aksesori yang dibekalkan); dan
- set peralatan yang lengkap.

(iii) Pengguna dinasihatkan untuk terus memulangkan Kereta Rasmi sebaik sahaja bersara/meninggalkan perkhidmatan/ bertukar ke Kerajaan Negeri, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan kerana sekiranya tidak dipulangkan dan berlaku apa-apa yang tidak diingini ke atas Kereta Rasmi berkenaan, ia akan dipertanggungjawabkan kepada pengguna.

Tahukah Anda?

KESAN TIDAK MEMAKAI TALI PINGGANG KESELAMATAN

Kebanyakan pemandu dan penumpang yang maut adalah yang tidak mengenakan tali pinggang keledar.

Kemalangan boleh berlaku tanpa diduga, tidak kira sama ada dalam perjalanan yang dekat atau pada kelajuan yang rendah.

Hentakan yang kuat boleh menyebabkan pemandu dan penumpang meninggal dunia, koma atau cedera parah.

Pemandu dan penumpang yang tidak memakainya boleh menjadi objek rempuhan yang berbahaya semasa pelanggaran pada kelajuan yang tinggi.

Pemandu dan penumpang yang tidak memakai tali pinggang keledar adalah satu kesalahan dan boleh didenda sehingga RM300.00.

Ingat! Memang semua beg udara memberi perlindungan tambahan tetapi ia bukanlah pengganti kepada tali pinggang keledar.

ULASAN RINGKAS

KES KECUAIAN 2014 - 2015

KECUAIAN bermaksud kelalaian atau tindakan yang tidak berhati-hati yang diambil oleh pemandu. Kecuaian adalah satu salah laku yang boleh menyebabkan kerosakan pada kenderaan dan peralatan yang terdapat pada kenderaan.

SPANCO mentakrif kecuaian apabila pemandu yang berniat secara sengaja, dalam keadaan sedar atau gagal mengambil tindakan cegahan yang sewajarnya bagi mengelakkan berlakunya sesuatu kejadian.

Berikut adalah ulasan ringkas statistik kecuaian 2014 dan 2015.



- Sebanyak 66 kes kecuaian berlaku dalam tempoh 2014 dan 2015 yang melibatkan kos berjumlah RM268,468.01.
- Kehilangan aksesori dan kunci pendua merupakan dua kategori kecuaian yang paling kerap berlaku bagi tempoh yang sama.
- Kehilangan aksesori membabitkan 18 kes dengan kos berjumlah RM57,381.03 manakala kehilangan kunci pendua sebanyak 28 kes dengan RM21,680.83.
- Bagi keseluruhan 2015, kehilangan kunci pendua merupakan kategori kecuaian yang tertinggi dari segi jumlah iaitu sebanyak 17 kes. Ini diikuti oleh kehilangan aksesori dengan 11 kes.
- Dari segi kos pula, kehilangan aksesori adalah tertinggi dengan RM44,036.02 bagi keseluruhan 2015. Ini diikuti oleh kecuaian berkaitan kereta tidak diservis hingga menyebabkan enjin gagal berfungsi, membabitkan kos sebanyak RM15,900.34 dan kehilangan kunci pendua dengan RM11,916.76.
- Bagi 2015 juga, suku keempat 2015 mencatatkan kos kecuaian tertinggi iaitu pada RM44,085.68 berbanding RM23,594 pada suku pertama, RM8,555.93 pada suku kedua dan RM380.85 pada suku ketiga.
- Diharapkan pemandu dapat mengambil iktibar daripada ulasan ringkas ini dengan sentiasa mengambil sikap berwaspada, bertanggungjawab dan memikirkan kesan yang boleh berlaku akibat sesuatu keputusan yang hendak diambil bagi menghindar sebarang masalah yang berpunca dari kecuaian.

SIKAP CUAI BOLEH MEMBAWA MASALAH KEPADA PEMANDU

Kekurangan kenderaan jika kerja pembaikan mengambil masa yang lama.

Menanggung kos pembaikan pada kerosakan yang telah berlaku.

Dikenakan tindakan tatatertib oleh Jabatan.

PERANCANGAN SPANCO BAGI 2016 DAN TAHUN-TAHUN SETERUSNYA

TAHUN 2015 menyaksikan perkembangan yang sangat memberangsangkan buat SPANCO di mana peningkatan fleet melebihi 12,000 unit di akhir 2015. Ia merupakan lebih lima kali ganda peningkatan iaitu dari 2,200 unit semasa memulakan operasi pada 1994. Secara tidak langsung membuktikan kepercayaan pihak Kerajaan terhadap kemampuan SPANCO dalam menyelaras, menyenggara dan menguruskan fleet Kerajaan Malaysia.

Oleh itu, SPANCO telah mengatur perancangan yang kemas untuk tiga tahun penting iaitu 2016, 2017 dan 2018. Berikut adalah perancangan serta pelan-pelan strategik SPANCO dalam memberi nilai tambahan kepada perkhidmatan pengurusan fleet sedia ada seterusnya memberi lebih kepuasan kepada pelanggan.

Bagi kontrak membekal dan menguruskan kereta peronda yang baharu untuk Polis Diraja Malaysia, SPANCO merancang untuk menyerahkan baki 1,300 unit lagi kereta peronda kepada PDRM. Dari jumlah 2,500 unit, setakat ini 1,200 unit telah berjaya diserahkan pada 2015.

Sasaran perancangan untuk menyediakan perkhidmatan yang melebihi perjanjian tahap perkhidmatan (SLA) yang dijanjikan kepada Kerajaan sebagai tanda terima kasih atas kepercayaan yang diberikan untuk membekal dan menguruskan lebih banyak kereta. Contoh: Memperluaskan lagi rangkaian pusat servis diiktiraf (PSD) bagi menampung pertambahan jumlah kereta, yang mana secara tidak langsung akan memberikan perkhidmatan servis yang lebih cepat. Pihak SPANCO juga telah mengambil inisiatif baru dengan menubuhkan satu pasukan khas audit kereta bagi memeriksa kereta-kereta peronda PDRM, memantau dan memastikan ia dijaga dan disenggarakan dengan baik oleh PSD dan juga pengguna.

Tiada kompromi terhadap sebarang kegagalan dalam memenuhi perjanjian tahap perkhidmatan kepada Kerajaan Malaysia.

Untuk peningkatan saiz fleet, berdasarkan dari pertumbuhan organik sebanyak 6%-8% setahun, saiz fleet dijangka akan terus berkembang kepada 14,500 unit pada akhir 2016 dan melangkaui 16,000 pada akhir 2018. Pertambahan itu termasuk yang melibatkan kenaikan pangkat para pegawai awam khususnya dari kalangan doktor pakar.

SPANCO turut menunggu keputusan PROTON untuk mengeluarkan model penggantian Perdana yang baharu pada 2016. Sebelum ini, kesemua 3,000 unit Proton Perdana Baharu yang dikeluarkan oleh pengeluar kereta nasional itu telah berjaya diserahkan oleh SPANCO kepada pengguna rasmi.

SPANCO juga perlu meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan untuk membincang dan menyelaraskan perjanjian lanjutan bagi konsesi yang akan berakhir pada 2018.

Penglibatan menyeluruh juga akan diteruskan termasuklah merencanakan program tanggungjawab sosial korporat sekali gus menyokong agenda Kerajaan Persekutuan seperti contoh: memelihara alam sekitar.

Sokongan terhadap tanggungjawap sosial korporat terbahagi kepada empat bidang utama iaitu komuniti, pendidikan, alam sekitar dan keselamatan jalan raya.

Antara yang bakal dilaksanakan ialah membantu Kerajaan menjimatkan kos dalam pengurusan bahan api yang dilaksanakan melalui dua cara iaitu teknologi dan latihan.

Latihan kepada pemandu akan disediakan bagi melatih para pemandu Kerajaan untuk mengamalkan teknik pemanduan yang boleh menjimatkan minyak. Malah matlamat lain yang sama penting juga mampu dicapai seperti pengurangan kemalangan dan nahas jalan raya, pengurangan kerosakan kereta, pengurangan masa rosak malahan dapat meningkatkan kecekapan sektor awam.

SPANCO merancang supaya kesemua pemandu-pemandu Kerajaan yang memandu Kereta Jabatan akan berjaya menjalani latihan itu dari 2016-2018.

Pihak Kerajaan pasti akan mendapat manfaat dari dua program tersebut kerana kesan daripada penggunaan teknologi yang lebih canggih dan pemandu yang dilatih dengan sempurna adalah besar bukan sahaja dari segi penjimatan minyak dan pengurangan pencemaran malah keselamatan, kecekapan dan produktiviti akan dipertingkatkan.

Selain itu laman sesawang SPANCO juga akan dipertingkatkan supaya lebih berinteraktif dan lebih mesra pengguna.

Sistem juga akan turut dipertingkatkan dan komunikasi dengan pelanggan akan dipermudahkan seperti pemakluman secara automatik kepada pengguna/ pelanggan mengenai bila kereta akan disiapkan. Peningkatan dalam penggunaan teknologi bagi mempertingkatkan pengalaman pelanggan dari mula mereka mendapatkan kereta hinggalah kepada semasa memulangkannya.

Sebagai contoh, Pusat Panggilan dapat mengenal pasti lokasi kejadian kerosakan kereta sebaik sahaja pelanggan menghubungi SPANCO iaitu melalui GPS di dalam telefon bimbit.

Dari segi teknologi, SPANCO merancang untuk menjalankan kajian penggunaan model-model kereta yang lebih menjimatkan penggunaan bahan api seperti kenderaan hibrid, elektrik mahupun kenderaan masa kini yang terdapat di pasaran yang menyediakan lebih penjimatan penggunaan bahan api. Ia juga mampu mengurangkan penceramaran alam sekitar melalui pelepasan karbon yang lebih rendah.

TUAN PRESHAHDIN MONSHEE

AKUI SPANCO MENEPATI MUTU KHIDMAT YANG DIPERLUKAN JABATAN PENJARA

Sebelum memulakan tugas di Jabatan Penjara Malaysia, beliau sebenarnya begitu sinonim dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia. Apatah lagi arwah ayahandanya juga berkhidmat di jabatan yang sama sebelum ini.

TUAN Preshahdin Monshee, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perolehan, Jabatan Penjara Malaysia mula menceburi sektor awam pada 1987 di bahagian bekalan air Johor Bahru. Sudah ditakdirkan, selama tiga tahun beliau sering berulang alik ke penjara Johor Bahru untuk menyelesaikan masalah gangguan bekalan air di sana sehinggalah akhirnya beliau sendiri menerima temu duga bagi jawatan Penolong Penguasa Penjara pada 1990.

"Mungkin itulah rezeki saya memulakan tugas di Jabatan Penjara hingga ke hari ini," ujar anak kelahiran Johor Bahru ini.

Pada 1993 Tuan Preshahdin berkhidmat di bahagian Pembangunan dan Kenderaan Penjara Johor Bahru dan pada tahun 1998 beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Inspektor Penjara sehingga 2003. Selepas itu dinaikkan pangkat sekali lagi sebagai Timbalan Penguasa di Bahagian Pembangunan Perolehan di ibu pejabat Jabatan Penjara Malaysia di Kajang, Selangor.

Pada 2009 beliau ditugaskan sebagai Penguasa Penjara di Bahagian



Tuan Preshahdin semasa majlis penyerahan empat unit kereta pendahulu kepada Jabatan Penjara Malaysia pada 3 November 2011.

Perolehan dan di situlah beliau mula berurusan menguruskan kenderaan SPANCO untuk institusi-institusi penjara di seluruh Malaysia.

Menyentuh mengenai bidang tugas sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan dan Perolehan, Tuan Preshahdin bertanggungjawab mengawal selia projek pembangunan untuk RMK10 dan RMK11 selain ditugaskan membuat perolehan.

"Dalam bidang perolehan, tugas saya termasuklah menguruskan kereta-kereta sewa SPANCO seperti yang berkaitan dengan permohonan tukar ganti kereta, masalah kerosakan, aduan saman dan lain-lain.

"Sebenarnya saya mula menguruskan kenderaan SPANCO untuk Penjara Johor Bahru pada 1993 lagi. Waktu itu pengarah penjara menggunakan kereta Iswara 1.3 dan apabila ditugaskan sebagai Penguasa Penjara di Bahagian Perolehan, saya menguruskan kereta SPANCO untuk seluruh penjara di Malaysia pula. Jadi pengalaman menguruskan kereta SPANCO agak lama bagi saya," ujar bapa kepada lima orang cahaya mata ini.

Bermula dengan kereta saloon, kereta pendahulu dan hingga kini, banyak pembaharuan yang dilihatnya telah berjaya dilaksanakan. Bagi beliau, komitmen SPANCO dalam mempertingkatkan perkhidmatan amat memberangsangkan sekali.

"Selama menguruskan kereta SPANCO, tiada isu yang timbul kerana setiap kereta akan diservis mengikut jadual. Pusat servis pula ada di semua lokasi, jadi tiada masalah untuk mendapatkan perkhidmatan. Malah, kakitangan di ibu pejabat SPANCO akan sentiasa mengingatkan pegawai-pegawai kami untuk melakukan servis apabila sampai tempoh.

"Cukai jalan pula akan diperbaharui tepat pada masanya. Jika ada masalah, kereta akan diganti dengan cepat. Selepas lima tahun menggunakannya, kereta akan ditukar dengan yang baharu. Ini amat berlainan sekali bila kita menggunakan kereta yang dibeli sendiri yang mana, banyak masalah timbul, kereta tidak dipantau dan sering mengalami kerosakan," ujarnya lagi.

Pada pendapat Tuan Preshahdin kereta yang dibeli secara terus oleh Kerajaan Malaysia menanggung kos yang tinggi berbanding sewaan.

"Memanglah ada 'warranty' jika membeli secara terus tetapi masalah akan timbul bila sampai masa untuk diservis. Bagaimanapun kereta sewaan akan dijaga dan dipantau secara menyeluruh oleh SPANCO. Jika berlaku kemalangan kereta akan dibaiki dengan segera. Ini dapat melancarkan perjalanan tugas jabatan.

"Kosnya juga munasabah dan jenis kenderaan yang dibekalkan adalah selaras mengikut permintaan. Jabatan Penjara juga hanya berurusan dengan satu badan sahaja iaitu SPANCO yang telah dilantik khas oleh pihak Kerajaan bermula dari awal mendapat kenderaan, hinggalah kepada penyenggaraan, cukai jalan dan segala urusan yang berkaitan. Semuanya di bawah satu bumbung," terangnya lagi.

Di samping kereta saloon, beliau turut berharap agar SPANCO dapat membekalkan kenderaan lain seperti MPV dan van untuk Jabatan Penjara Malaysia memandangkan jumlah yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian jabatan.

"Saya amat berharap peruntukan terutamanya untuk mendapatkan van bagi Jabatan Penjara dapat ditambah. Sehingga hari ini setiap institusi penjara hanya ada lima van dengan tahap penggunaan yang agak tinggi. Usia van-van ini pula ada yang telah menjangkau hingga 10 tahun. Sememangnya ini tidak mencukupi dan ia adalah keperluan utama kami."

Menyentuh mengenai keupayaan SPANCO, beliau percaya syarikat itu mampu memikul tanggungjawab yang lebih besar di masa akan datang.

"Berdasarkan dari pengalaman lebih 20 tahun menguruskan fleet dan hasil dari penambahbaikan yang dilakukan setiap tahun, saya rasa tidak ada yang mustahil bagi SPANCO.

"Setakat ini, SPANCO sendiri telah menunjukkan kecemerlangan dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Prestasi SPANCO sentiasa dijaga dengan kakitangan yang sangat komited, sering membantu menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi berkaitan kereta yang digunakan. Oleh itu, saya berharap agar khidmat ini dapat diperluaskan untuk kenderaan-kenderaan lain kerana ia lebih menjimatkan dari banyak segi selain dari kos," jelasnya mengakhiri perbualan.

HADAPI KEROSAKAN?
BANTUAN KECEMASAN 24 JAM BERSEDIA MEMBANTU ANDA

DALAM memberikan khidmat terbaik kepada pelanggan, keselesaan dan keyakinan mereka menjadi titik utama SPANCO. Ini termasuklah menyediakan Pusat Panggilan 24 jam untuk bantuan kerosakan melalui talian bebas tol **1-800-88-6999.** Ia selaras dengan komitmen untuk memastikan pelanggan menikmati pengalaman pemotoran yang lancar tanpa sebarang masalah serta memastikan kenderaan dibaiki segera supaya mereka dapat meneruskan perjalanan dengan selamat.

Apakah bantuan kecemasan yang diberikan oleh SPANCO?

- Kerosakan kenderaan, kemalangan, kecurian atau kecemasan.
- Pusat Panggilan turut memberi khidmat meliputi segala keperluan berkaitan perkhidmatan pengurusan fleet yang mana:

  Pelanggan juga boleh

  Mengetahui status servis dan pembaikan kereta | Menempah temu janji servis. | Memohon kit penjagaan kereta | Membuat aduan | Memberi maklum balas mengenai perkhidmatan.

Bantuan Servis SPANCO 1-800-88-6999 adalah:

percuma

24 jam sehari

365 hari setahun

seluruh negara

BAGAIMANA TALIAN BEBAS TOL 1-800-88-6999 BEROPERASI?

- Beroperasi tujuh hari seminggu dan 365 hari sepanjang tahun.
- Boleh dihubungi pada bila-bila masa sahaja.
- Sebaik sahaja panggilan diterima, kakitangan Pusat Panggilan akan membantu pelanggan mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- Pelanggan diminta menyediakan maklumat penting seperti **butiran kenderaan, situasi dan lokasi yang jelas** supaya bantuan yang diperlukan dapat dihantar dengan segera.
- Pusat Panggilan akan menyemak latar belakang dan sejarah penyenggaraan kereta terbabit melalui Sistem Pengurusan Fleet (FMS).
- Bagi kerosakan kecil, pasukan bantuan akan cuba membaikinya di lokasi kejadian.
- Tetapi jika kerosakan serius dan perlu diberi perhatian selanjutnya maka kenderaan mungkin perlu ditunda ke pusat servis.

Di manakah rangkaian bantuan servis SPANCO berada?

- Terdiri daripada dua Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan di Bangi, Selangor.
- Juga terdapat di lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.
- Jika pelanggan mengalami kerosakan di Lembah Klang, Pusat Panggilan akan mengarahkan pasukan bantuan SPANCO segera ke lokasi.
- Manakala di luar Lembah Klang pula, PSD yang berdekatan akan dimaklumkan untuk bantuan selanjutnya.

Jika tidak berpuas hati dengan khidmat yang disediakan oleh mana-mana PSD atau terdapat percanggahan mengenai servis mahupun pembaikan yang diterima, pelanggan dinasihatkan menghubungi 1-800-88-6999 dengan segera.

SIAPA YANG MENGENDALIKAN PUSAT PANGGILAN 24 JAM?

- Diletakkan di bawah tanggungjawab Unit Kawalan Senggaraan diketuai Pengurusnya, Tuan Haji Azahari Md Lazim.
- Dikendalikan oleh 13 kakitangan terlatih lagi berpengalaman untuk menangani sebarang masalah kenderaan yang dihadapi pelanggan.
- Unit Kawalan Senggaraan mensasarkan supaya setiap panggilan dijawab tidak lebih daripada tiga (3) deringan telefon dan pasukan bantuan hendaklah tiba ke lokasi kecemasan dalam tempoh 45 minit sekiranya berlaku dalam lingkungan 25km radius dari Pusat Servis.
- Manakala bagi lingkungan 50-100km pula, tempoh tindak balas untuk panggilan kecemasan adalah dua (2) jam.



Tugas utama Unit Kawalan Senggaraan ialah memastikan setiap kerja pembaikan dapat disiapkan segera, menepati piawaian yang ditetapkan dan memenuhi kehendak pelanggan. Oleh itu, salah satu sasaran mereka ialah meluluskan kod bagi setiap permohonan servis yang dipohon oleh PSD dalam masa sesingkat 15 minit sahaja.

PETUA MENGHADAPI BANJIR KILAT

Banjir kilat bukan sahaja mampu mengakibatkan sistem jalan raya menjadi lumpuh malah banyak kenderaan terkandas dan mengalami kerosakan yang teruk.

Bagi mengelakkannya, berikut disenaraikan beberapa petua untuk panduan bersama.

- Peka terhadap tempat-tempat yang sering dinaiki air terutama di kawasan-kawasan pembinaan dan yang berhampiran sungai seperti Sungai Klang, Sungai Gombak dan Sungai Damansara di pusat bandar Kuala Lumpur.
- Awasi lopak-lopak air di sepanjang perjalanan yang boleh menyebabkan 'aquaplaning' iaitu apabila tayar tidak lagi mencengkam permukaan jalan tetapi sebaliknya berada di atas air.
- Mengalihkan kereta ke tempat yang lebih tinggi dan selamat jika berlaku hujan lebat yang berterusan.
- Tidak sekali-kali meredah jalan yang dinaiki air.
- Jangan pandang remeh kedalaman air yang sedang naik kerana paras serendah setengah kaki sudah cukup untuk menghanyutkan sebuah kereta kecil.
- Jika kereta ditenggelami air, jangan sekali-kali cuba menghidupkan enjin kerana ini boleh menyebabkan kerosakan yang teruk.
- Jika terperangkap, minta bantuan orang ramai untuk menolak kereta keluar dari dalam banjir.
- Segera menghubungi SPANCO di talian bebas tol 24 jam **1-800-88-6999**, untuk bantuan.
- Melayari laman web ***http://publicinfobanjir.water.gov.my/*** untuk mendapatkan maklumat banjir terkini.

KONSEP TERBAIK DIPAMERKAN DI **TOKYO MOTOR SHOW 2015**

TOKYO Motor Show 2015 yang menyatukan teknologi terkini dan kenderaan konsep ternyata amat mengujakan sekali para pengunjung dan peminat kereta dari seluruh dunia. Revolusi dunia pemotoran terus dikembangkan melalui kereta-kereta dari pelbagai jenama antarabangsa. Mari kita saksikan kenderaan konsep yang dipamerkan di sini.

YAMAHA SPORTS RIDE CONCEPT

Sebuah kereta sport yang berkonsepkan 'streetcar' dari pengeluar motosikal tersohor, dicipta oleh pereka kereta lumba F1, Gordon Murray. Bergaya dengan hanya dua tempat duduk, memberikan pengalaman seperti menunggang motosikal. Struktur gentian karbonnya direka untuk keteguhan dan jauh lebih ringan berbanding kereta-kereta saiz yang serupa dari jenama yang lain.

TOYOTA S-FR

Berkonsepkan kenderaan enjin hadapan yang kecil, S-FR adalah model asas kereta sport 2+2 daripada Toyota. Comel dan ringan pada hanya 980kg. Menggunakan enjin petrol empat silinder 1.5 liter yang mampu menghasilkan 130 kuasa kuda. Dengan empat tempat duduk, kereta sport pacuan belakang ini agak praktikal dan ternyata memberikan pemanduan menyeronokkan.



NISSAN IDS CONCEPT

Berkonsepkan kenderaan elektrik dengan Sistem Pemanduan Bijak, memberi revolusi baru kepada dunia pemotoran. Diperbuat sepenuhnya dari gentian karbon dengan bumbung dari kaca. Boleh diprogramkan untuk memecut, mengambil selekoh dan membrek seperti sebuah kereta sport atau memilih untuk pemanduan yang lebih tenang. Pertukaran lorong dan pemanduan di atas lebuh raya juga dikendalikan secara automatik tanpa memerlukan pemandu. Rekaan dalamannya pula sangat mesra dan selesa untuk pemandu dan penumpang berinteraksi.

HONDA CLARITY FCV

Ini adalah percubaan ketiga syarikat Honda di dalam teknologi 'fuel cell'. Honda Clarity FCV menggunakan hidrogen sebagai bahan api yang lebih jimat dari petrol dan diesel namun bebas pencemaran dan sisa buangannya hanyalah H20. Dengan tangki 70 megapascal bertekanan tinggi yang boleh diisi penuh dalam hanya 3 minit dan lapisan 'fuel cell' yang lebih kecil dan sepertiga lebih padat berbanding sebelum ini, ia mampu menjelajah lebih 700 km untuk setiap isian.

MERCEDES VISION TOKYO

Bukan sekadar sebuah kenderaan, ia adalah sebuah stesen untuk anda bersantai! Dicipta istimewa untuk anak muda Generasi Z, Vision Tokyo dipacu oleh kuasa elektrik dengan teknologi 'fuel cell' hidrogen yang mampu mencecah 1,000 km tanpa emisi. Ruang kabinnya dilengkapi layar LCD berukuran besar serta pelbagai aplikasi digital dan hiburan hologram 3D. Satu konsep futuristik yang fokus terhadap keselesaan penumpang dan pengendalian tanpa pemandu.



PERASMIAN PUSAT SERVIS SPANCO WILAYAH BANGI OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA *PADA 10 DISEMBER 2015*

SEMINAR LOGISTIK PEGAWAI TENTERA DARAT *PULAU PINANG DARI 2 - 5 NOVEMBER 2015*

TAKLIMAT PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN KENDERAAN JABATAN

AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH, KUANTAN, PAHANG PADA 3 NOVEMBER 2015

TAKLIMAT PENGURUSAN KENDERAAN PERONDA POLIS *CAWANGAN PENGANGKUTAN PDRM KONTINJEN PERLIS PADA 14 DISEMBER 2015*

TAKLIMAT INFRA TUDM

KUANTAN PADA 18 DISEMBER 2015

PENYERAHAN KENDERAAN PERONDA POLIS

KONTINJEN JOHOR, 146 UNIT, IPD KULAI JAYA DARI 3 - 4 NOVEMBER 2015

KONTINJEN SARAWAK - 50 UNIT, KOMPLEKS LOGISTIK PDRM, KUCHING PADA 5 NOVEMBER 2015

KONTINJEN PAHANG - 65 UNIT IPK PAHANG DARI 21-22 DISEMBER 2015

KONTINJEN KEDAH - 86 UNIT, IPD KUALA MUDA, KEDAH PADA 30 DISEMBER 2015

6

Destinasi Percutian Menarik di Kepulauan Caribbean

Caribbean atau Karibia, sebuah wilayah di Amerika yang terletak di sekitar Laut Caribbean merupakan destinasi yang sesuai untuk berbulan madu atau percutian seisi keluarga. Mempunyai lokasi pulau-pulau yang indah dan mempesonakan juga pelbagai aktiviti menarik serta keindahan pemandangan alam semula jadi, Karibia pastinya melakar kenangan manis dan romantis bersama pasangan atau keluarga anda. Mari kita lihat 6 pulau menarik di sini.



1 PANTAI FAJARDO, PUERTO RICO

1 PUERTO RICO

Mendapat jolokan 'Pulau Pesona', Puerto Rico terletak di Timur Laut Karibia menyimpan banyak pesona alam. Anda boleh mengunjungi plankton bercahaya di pantai Fajardo dan Vieques selain menyelam dan 'snorkeling'. Bagi penggemar sukan luncur air, ombak 20 kaki pasti mengujakan ditambah dengan air yang jernih dan tenang menyerlah keseronokan. Anda juga boleh meredah hutan hujan tropika El Yunque National Rainforest hingga ke gua Parque de las Cavernas de Rio Camuy. Selain menikmati keindahan pantainya, anda juga boleh berkayak melalui pohon paya bakau menuju Mosquito Bay di Pulau Vieques. Bagi yang gemar membeli-belah, boleh sahaja ke San Juan sambil melihat peninggalan sejarahnya.

2 VIRGIN ISLANDS AMERIKA SYARIKAT

Mengimpikan percutian di 'Syurga Karibia Amerika', anda boleh memilih untuk menikmati percutian di St. Croix, iaitu salah satu dari tiga pulau utamanya, dengan keindahan pantai dan melakukan pelbagai aktiviti air seperti menyelam, 'snorkeling', berlayar, 'para sailing' dan 'snuba' satu olahraga yang menggabungkan 'snorkeling' dan 'scuba diving'. Boleh juga menikmati keindahan alam semula jadi di Taman Negara St. John yang kaya dengan bukit-bukit hijau yang mendamaikan. Malah, menikmati kehebatan kota kosmopolitan St. Thomas yang menawarkan pelbagai restoran hebat dengan makanan lazat, pusat membeli-belah dan monumen bersejarah.

3 ST. KITTS & NEVIS

Terletak di Kepulauan Leeward Karibia, St. Kitts & Nevis merupakan antara negara terkecil di dunia. Namun, ia menawarkan pelbagai pengalaman menarik apabila berkunjung di sini. Pantai yang indah dengan laut kebiruan, pasir halus dan suasana mendamaikan sangat sesuai untuk aktiviti menaiki bot, 'windsurfing' dan memancing di laut dalam. Malah, anda boleh menjelajah Brimstone Hill Fortress di St. Kitts atau ke Nevis untuk melihat peninggalan sejarah kepulauan ini. Anda ingin melihat budaya kepulauan? Nah, Karnival Christmastime St. Kitts atau festival muzik yang dianjurkan setiap bulan Jun pasti memberikan apa yang anda idamkan.





5 ST. LUCIA

Tempat yang sesuai untuk pasangan berbulan madu namun destinasi yang juga sesuai untuk seisi keluarga. Selain indah dengan pantai landai berpasir putih, ia juga kaya dengan keindahan alam semula jadi yang boleh diterokai seperti di gunung Piton dan hutan Chassin. Kepada peminat muzik, St. Lucia Jazz & Arts Festival adalah tempat paling sesuai untuk menikmati alunan dari penyanyi popular kegemaran anda. Terdapat resort dan hotel-hotel menarik yang menyediakan pemandangan indah bagi pasangan berbulan madu sambil menikmati keindahan matahari terbit di waktu pagi, ketenangan suasana senja dan berhibur di waktu malam.

4 BARBADOS

Jika anda pencinta alam semula jadi dan gemar meneroka keindahan gua, Barbados adalah tempat yang paling sesuai untuk berlibur di negara yang terkenal sebagai 'Little England'. Berkunjunglah ke Gua Harrison yang terbentuk dari batu kapur dan menyerlah dengan batu stalaktit yang menyala selama ribuan tahun. Tidak lengkap percutian jika tidak menyusuri pantai Bottom Bay yang memberikan panorama indah persekitaran.

6 BAHAMAS

Bahamas sebuah kepulauan dengan pantai yang bersih dan air terjernih di dunia. Bagi penggemar alam semula jadi, taman botani dan gua bawah laut terpanjang di dunia ada terdapat di Taman Nasional Lucayan di Pulau Grand Bahama. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di sini seperti menunggang kuda, bermain golf, papan luncur, menyelam dan lain-lain. Jika anda ingin melihat singa laut dan ikan lumba-lumba, berkunjunglah ke Blue Lagoon Island atau Salt Cay.

5 TREND PEMAKANAN SIHAT UNTUK 2016

'DIRI anda adalah apa yang anda makan'. Kini, ramai yang menyedari betapa pentingnya gaya hidup sihat dalam pemakanan harian mereka. Resolusi 2016 pastinya menjadi lebih menyeronokkan apabila kita mengamalkan diet yang seimbang serta makanan berkhasiat untuk mendapat kesihatan yang lebih baik. 5 trend pemakanan sihat di bawah diharap dapat membantu anda menjalani kehidupan yang lebih sihat di 2016.

1 MAKANAN DIET TINGGI LEMAK YANG SIHAT

Diet yang seimbang dan sihat perlu mempunyai kandungan lemak tepu yang rendah. Namun tubuh memerlukan lemak sihat yang tinggi yang boleh meningkatkan kadar metabolisme, meningkatkan kesihatan dan fungsi otak serta lain-lain. Makanan yang mempunyai lemak yang sihat seperti ikan dan omega-3 atau minyak ikan sangat baik untuk mengurangkan tekanan darah. Bakar atau panggang ikan untuk mengelak menambah lemak yang tidak sihat. Minyak zaitun mengandungi campuran antioksida yang kuat yang boleh mengurangkan kolesterol 'buruk' (LDL) tetapi meninggalkan kolesterol 'baik' (HDL). Kekacang, bijirin, telur organik, minyak kelapa organik dan mentega kacang organik antara makanan diet yang mempunyai lemak sihat yang tinggi.

2 MINUMAN JUS DAN MAKANAN BERKISAR

Air sangat penting untuk fungsi-fungsi tubuh. Selain air, jus buah-buahan juga amat baik untuk kesihatan. Minuman jus membantu kita mendapat khasiat daripada pelbagai buah tanpa perlu memakannya satu persatu. Tubuh juga lebih mudah menyerap nutrien yang ada pada jus. Makanan seperti buah, sayuran, kekacang dan bijirin juga lebih mudah dikisar serta menjadi pilihan trend 2016 terutama untuk mereka yang berkerjaya kerana ianya lebih mudah dan cepat untuk rutin harian yang sibuk.

3 SAYURAN BERBAGAI BENTUK

2015 menyaksikan sayuran yang dipotong dengan pelbagai bentuk dijual dengan laris sekali. Malah dijangka akan terus menjadi makanan trend pada 2016. Orang ramai mulai sedar khasiat sayuran segar dalam pemakanan mereka. Dengan memotong sayuran secara berputar atau pelbagai corak seperti menyerupai spageti, menjadikan sayuran lebih menarik untuk dimakan. Ia turut dijadikan hadiah atau dibawa sebagai buah tangan apabila ke majlis-majlis keraian.

4 MAKANAN SEJUK BEKU YANG SIHAT

Anggapan yang mengatakan makanan sejuk beku tidak begitu berkhasiat sebenarnya tidak tepat. Ia adalah kerana makanan sejuk beku masih mampu mengekalkan nutrien yang terkandung di dalamnya dan ia lebih baik dari makanan segera. Malah, kebanyakan makanan sejuk beku hari ini tidak menggunakan bahan pengawet justeru berkhasiat untuk dimakan. Penyediaannya juga mudah, hanya perlu dipanaskan di dalam ketuhar. Jadi, tidak hairanlah jika 2016 nanti, makanan sejuk beku menjadi pilihan bukan sahaja kepada yang berkerjaya tetapi juga pilihan suri rumah kerana ianya mudah, menjimatkan masa dan boleh dimakan pada bila-bila masa sahaja.

5 MINYAK KELAPA ORGANIK

Minyak kelapa organik mempunyai rasa yang sedap dan adalah lemak sihat yang juga kaya dengan MCT sihat (Medium Chain Triglycerides). Ia turut dapat menjaga paras kolesterol dalam badan, meningkatkan pencernaan dan metabolisme serta lain-lain. Malah, ia juga berkhasiat untuk rambut dan membantu pertumbuhan rambut sihat, pelembap efektif pada kulit terutama kulit kering, mencegah penuaan dan melegakan sakit kepala dan tekanan. Jika revolusi minyak kelapa organik bermula dari 2015, maka ia pastinya akan menjadi trend makanan sihat di 2016.

Simbol

SABAH - PUSAT SERVIS PROTON EDAR - KOTA KINABALU

PUSAT SERVIS PROTON EDAR

LOT 49B, JALAN KILANG
SEDCO INDUSTRIAL ESTATE
JALAN MANGGA KOLOMBONG
88450 KOTA KINABALU

TEL: 088-430 566 / 088- 432 566
FAKS: 088-432 944

JURUTEKNIK: 14 ORANG
HOIST: 13 UNIT

SABAH - SUGEE & FAMILY SDN BHD

WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR
SUGEE & FAMILY SDN BHD

LOT 28 NO 16 & 17
KARAMUNSING GODOWN
88100 KOTA KINABALU

TEL: 088-270 177
FAKS: 088-270 178

JURUTEKNIK: 9 ORANG
HOIST: 10 UNIT

**Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.*

SABAH - NURHAS TYRE 2

NURHAS TYRE 2

TB 9167, LOT 24, NEW HUA DAT
LIGHT INDUSTRIAL ESTATE
KM 2 ¾ JALAN APAS
91000 TAWAU

TEL: 089-769 344
FAKS: 089-778 344

JURUTEKNIK: 7 ORANG
HOIST: 2 UNIT

SABAH - KHEONG KONG WORKSHOP SDN BHD

KHEONG KONG WORKSHOP SDN BHD

MILE 3 1/2 NORTH ROAD
P.O. BOX NO 903
90710 SANDAKAN

TEL: 012-433 7402
FAKS: 089- 237 112

JURUTEKNIK: 20 ORANG
HOIST: 2 UNIT

SABAH - CERASMEGA SDN BHD

WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR
CERASMEGA SDN BHD

LOT NO. SS12
SEDCO INDUSTRIAL ESTATE
KM 8 JALAN TENGAH NIPAH
91100 LAHAD DATU

TEL: 089-863 268
FAKS: 089-866 333

JURUTEKNIK: 4 ORANG
HOIST: 4 UNIT

Ribuan mati dilanggar dari belakang.

Jalan Menghadapi Trafik.
Anda Mampu Mengubahnya.

JKJR
JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

Jika anda tidak dapat lihat kenderaan yang mendatang, anda tidak mampu mengagak bahaya – sehinggalah ia tiba – dan ketika itu sudah terlambat. Melainkan anda ada mata di belakang kepala, amalkan berjalan menghadap lalu lintas.
Layari **www.jkjr.gov.my** untuk mengetahui lebih lanjut.

MINISTRY OF TRANSPORT
MOT